

21/12/1997

Semangat Asean belum wujud di kalangan usahawan

A Nazri Abdullah

SIDANG Kemuncak Asean, sama ada rasmi atau tidak, seringkali berakhir dengan kejayaan. Meskipun ada perkara yang tidak dapat diselesaikan, setidak-tidaknya pemimpin Asean bersepakat mencari penyelesaian melalui perundingan. Semangat kekitaan Asean atau budaya Asean seringkali terpancar apabila pemimpin dan pegawai tinggi bertemu. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pernah lupa menyebut Asean dalam setiap ucapannya di rantau antarabangsa. Malah di antara pemimpin Asean beliaulah yang paling lantang memperjuangkan Asean. Tidak keterlaluan kalau dikatakan kebanyakan kejayaan Asean dalam dialognya dengan kumpulan di luar rantau adalah idea dan sumbangan Dr Mahathir.

Soalnya apakah retorika boleh diterjemah dalam bentuk angka? Tidak sukar untuk mengukurnya kerana nilai perdagangan di dalam Asean jauh lebih kecil berbanding nilai perdagangan negara-negara Asean dengan Jepun, Eropah atau Amerika. Meskipun Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) menetapkan tarikh perdagangan negara kumpulan itu, bermaksud barangan Asean bebas keluar masuk tanpa sebarang sekatan tarif dan bukan tarif, kita masih ragu-ragu Asean akan mencapai matlamat meningkat perdagangan sesama anggotanya. Kita tidak mempertikaikan keikhlasan pemimpin Asean melihat rantau Asean berkembang sebagai entiti perdagangan, tetapi yang akan menentukan matlamat ini tercapai ialah ahli perdagangan dan sektor swasta. Soalnya bagaimanakah ahli perdagangan dan sektor swasta boleh dipaksa membeli barangan dari dalam Asean sedangkan semua anggota Asean menjadi ahli Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)?

Ketika pasaran hartanah Asean melambung, selain daripada pasir, besi dan simen, kebanyakan peralatan khususnya bagi bangunan pintar dan kediaman sederhana dan mewah terpaksa diimport dari luar Asean. Daripada bumbung, lantai hingga ke basin tandas terpaksa diimport dari Jerman, Itali, Amerika, Australia dan sebagainya kerana tidak ada industri di Asean yang mengeluarkan peralatan itu yang setanding mutunya dengan barangan dari Barat. Kita boleh kira berapa peratuskah barangan dan peralatan tempatan digunakan di hotel-hotel mewah di seluruh ibu negara Asean. Apakah yang hendak kita banggakan dengan hotel lima enam bintang jika suis lampu dan kunci pun terpaksa diimport dari Taiwan?

Sebenarnya yang kerap dan lantang bercakap mengenai perdagangan Asean ialah pemimpin politik bukannya ahli perniagaan. Semangat kekitaan Asean di kalangan ahli perniagaannya belum wujud, malah daripada apa yang dapat dikesani perasaan tidak percaya mempercayai antara mereka masih menebal. Projek usaha sama sukar menjadi kenyataan tanpa dokongan politik yang kuat. Pada hal dengan kadar pertumbuhan ekonomi Asean yang begitu tinggi, ahli perniagaan Asean sepatutnya sudah lama menjalin usaha sama untuk saling melengkapi keperluan masing-masing.

Dr Mahathir sering berkata memperkayakan jiran lebih banyak manfaatnya daripada mempunyai jiran yang miskin. Thailand, Indonesia, Filipina dan anggota Asean yang lain adalah jiran kita, tetapi berapa banyakkah projek dan pelaburan Malaysia di Thailand atau Indonesia umpamanya? Negara-negara Afrika dan Amerika Selatan bukan jiran kita tetapi sahabat. Sayangnya kita lebih mengutamakan sahabat daripada jiran tetangga kita; justeru, tidak hairanlah mengapa perdagangan sesama kita masih kecil.

Kita harap kegawatan ekonomi yang melanda Asean akan memberi pengajaran yang berguna betapa pentingnya disegerakan usaha sama di kalangan ahli perniagaan Asean, khususnya dalam bidang pembuatan peralatan keperluan

bersama. Majlis Perniagaan Asean yang disertai tokoh korporat Asean yang berwibawa perlu diberi nafas baru supaya lebih bersemangat dan bertenaga memupuk semangat kekitaan Asean. Mereka perlu menyemai budaya perniagaan yang baru, yang tidak menjadikan kos dan harga sebagai alasan mutlak untuk membeli dari luar Asean.

Satu-satunya anggota Asean yang terselamat daripada bencana kejatuhan mata wang dan pasaran saham ialah Singapura. Brunei sememangnya kaya dengan hasil buminya sendiri. Kekayaan dan kemajuan Singapura adalah sumbangan daripada negara jirannya, tetapi apakah sumbangan Singapura kepada kemantapan ekonomi Asean? Malang bagi Asean kerana tidak dapat mengharapkan Singapura sebagai rakan tempat bergantung kerana dalam banyak hal Singapura lebih berfungsi sebagai pusat segala macam khabar angin yang memburukkan lagi mata wang dan pasaran Asean. Malah penjualan mata wang Asean adalah berpusat di Singapura, bukannya Hong Kong, London atau New York. Bagi mereka, jiran yang lemah mata wangnya lebih murah bagi pelaburan Singapura. Kita tidak menyalahkan pemimpin politik Singapura dalam halnya kerana sebagai pasaran bebas, sentimen perniagaan di Singapura seringkali dipengaruhi oleh sentimen pasaran dan pemegang dana asing berpangkalan di Singapura. Bagaimanapun, sedikit sebanyak kita mengharapkan pemimpin Singapura melihat ke dalam pasaran kerana mereka mampu melakukan sesuatu.

Kita juga tertarik dengan komen Duta Amerika Syarikat John Mallot. Beliau menyalahkan sektor swasta yang menjadikan saluran politik sebagai jalan pintas mengaut keuntungan. Sebenarnya apa yang dikatakan oleh Mallot sudah lama dibincangkan di bilik mesyuarat lembaga pengarah malah di kedai kopi. Apa yang terjadi sudah terjadi dan penyesalan tidak membawa apa-apa faedah. Kita perlu menilai kembali di manakah salah dan silap kita supaya nasib malang ini tidak berulang.

(END)